

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

BH ISNIN, 13 APRIL 2020

3

Penularan COVID-19

Empat subkluster himpunan tabligh dikenal pasti

Tindakan proaktif saringan bantu kesan individu ada kontak rapat

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengenal pasti empat subkluster jangkitan COVID-19 membabitkan beberapa madrasah dan sekolah tahfiz susulan perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tindakan proaktif mengenal pasti subkluster berkenaan adalah bagi membantu pengesanan kontak rapat kepada kes indeks perhimpunan itu.

Madjid Seri Petaling di sini mengadakan ijtima tabligh pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu. Pimpinan Jemaah Dakwah dan Tabligh Malaysia berkata 12,500 jemaah hadir himpunan itu.

Beliau berkata, subkluster ber-

kenaan membabitkan madrasah di Jerantut, Pahang, Penanti, Pulau Pinang, Sungai Lui, Selangor dan Jasin, Melaka.

Bagi subkluster madrasah di Jerantut, seramai 401 disaring, iaitu 297 pelajar dan 104 kakitangan serta ahli keluarga mereka.

"Terdapat 62 kes positif dilaporkan dan dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, manakala 20 kes sudah sembuh dan discaj.

"Bagi subkluster madrasah di Penanti, seramai 291 orang membabitkan 256 pelajar dan 35 kakitangan disaring. Enam kes positif dicatatkan, yang mana dua kes masih dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan empat kes sudah sembuh serta discaj," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Seramai 282 orang disaring bagi subkluster madrasah di Sungai Lui, iaitu 274 pelajar dan lapan kakitangan. Sebanyak 90 kes positif dilaporkan dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh serta

Pusat Kusta Negara, manakala 67 kes sudah sembuh dan discaj.


"Bagi subkluster madrasah di Jasin, seramai 137 orang disaring, membabitkan 122 pelajar dan 15 kakitangan. Kes positif adalah sebanyak 37 kes dan dimasukkan ke Hospital Melaka, manakala satu kes sudah sembuh dan discaj.

"Semua kes yang positif sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, subkluster berkenaan dapat dikenal pasti hasil kerjasama rapat Kementerian dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Syura Jemaah Tabligh Masjid Seri Petaling, bagi mempergiatkan aktiviti pengesanan, penyaringan, ujian, isolasi serta rawatan terutama kepada kumpulan sasaran yang berisiko tinggi.

"Kementerian akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi mengenal pasti dan menguji semua kontak rapat dalam kalangan kumpulan yang berisiko tinggi ini," katanya.

Sementara itu, ditanya sama



ada kawasan subkluster selain Sungai Lui akan dicadangkan bagi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Dr Noor Hisham berkata, tindakan pengesanan kes aktif akan dijalankan di kawasan itu.

"Dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), kita dapat kenal pasti kes berkaitan kes indeks, jadi kita dapat kesan mereka, laksanakan ujian dan pengasingan serta merawat mereka yang positif.

"Bagi yang disahkan negatif,

kita akan menjalankan pengasingan dan kuarantin. Semua mereka memang tinggal di sana," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya turut menjalankan pengesanan kes aktif di flat PKNS, Kampung Baru berikutan terdapat satu kematian di situ, kelmarin.

"Kita menjalankan pengesanan aktif di kawasan sekitar. Apa yang penting, kita pastikan pejabat kesihatan daerah mengambil tindakan mengenainya," katanya.

41 pelajar tahfiz positif COVID-19 pulih, dibenar pulang

Kuala Lumpur: Seramai 41 pesakit positif COVID-19 dalam kalangan pelajar tahfiz yang menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling sudah sembuh.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pelajar Madrasah Miftahul Ulum, Seri Petaling itu sudah discaj dari Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM), semalam.

Sebelum ini mereka dikuarantin di Institut Sosial Malaysia (ISM) dan dimasukkan ke HCTM pada 2 April lalu. Mereka adalah pelajar lelaki berusia antara 14 hingga 29 tahun yang terdedah kepada COVID-19 sama ada ketika menghadiri perhimpunan di Masjid Seri Petaling pada awal Mac lalu dan persekitaran masjid selepas perhimpunan.

"Semuanya tidak mengalami simptom dan dua ujian swab saringan awal pada pertengahan Mac dan 24 Mac adalah negatif. Mereka dikuarantin di ISM dan pada 2 April, keputusan ujian swab ketiga yang diambil pada 30 Mac adalah positif COVID-19.

"Pelajar berkenaan seterusnya

dimasukkan ke HCTM untuk rawatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Rawatan di HCTM berjalan lancar dan hanya seorang daripada mereka mengalami simptom batuk pada 5 April dan diberikan rawatan hydrochloroquine.

Daripada aspek perubatan, saringan untuk diagnosis dan rawatan awal amat penting bagi memastikan pesakit positif COVID-19 berpeluang sembuh sepenuhnya.

"Kumpulan pelajar ini adalah pesakit pada usia muda. Justeru, proses penyembuhan dan prognosis mereka lebih baik berbanding pesakit berusia atau yang menghadapi penyakit kronik lain seperti tekanan darah tinggi atau kencing manis.

"Bagaimanapun, mendapatkan rawatan pada peringkat awal pada tahap satu hingga tiga adalah amat penting. Daripada aspek kawalan COVID-19, proses kuarantin awal dan isolasi di wad bagi 41 pelajar ini selepas didapati positif adalah langkah yang amat penting," katanya.

Beliau menjelaskan, dalam kes itu, semua pelajar berkenaan tidak mengalami simptom tetapi

mampu menjangkiti dan menyebarkan COVID-19 kepada masyarakat sekeliling tanpa menyedari mereka dijangkiti.

Sementara itu bercakap dalam sidang media petang semalam, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 113 kes dilaporkan pulih daripada COVID-19 semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 2,108 kes atau 45 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Hingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 153 kes baharu dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini adalah sebanyak 4,683 kes.

"Justeru, selepas kes kumulatif ditolak dengan kes discaj dan kematian, jumlah kes aktif dengan kebolehhajngkitan COVID-19 adalah 2,499 kes. Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan.

"Seramai 66 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 37 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Tiga kes kematian baharu dicatatkan, menjadikan jumlah kematian akibat wabak itu setakat ini adalah seramai 76 iaitu 1.62 peratus

daripada keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham, berkata kes kematian ke-74 (kes ke-4531) membabitkan lelaki warga tempatan berusia 54 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang. Beliau dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban pada 11 April lalu dan disahkan meninggal dunia pada 12 April, jam 1.50 pagi.

Kes kematian ke-75 (kes ke-3469) pula membabitkan lelaki tempatan berusia 90 tahun dan mempunyai latar belakang kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung. Beliau dirawat di Hospital Taiping pada 1 April dan disahkan meninggal dunia pada 12 April, jam 5.23 pagi.

Kes kematian ke-76 (kes ke-4314) pula membabitkan wanita warga tempatan berusia 47 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi. Beliau dirawat di Hospital Umum Sarawak, Sarawak pada 8 April dan disahkan meninggal dunia pada 12 April, jam 7.36 pagi.

Bagi pertambahan kes di kawasan yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat-

kan (PKPD), Dr Noor Hisham berkata, terdapat pertambahan 10 kes di Klang iaitu membabitkan Bandar Baru Ibrahim Majid. Terdapat pertambahan sembilan kes baharu di Hulu Langat menjadikan keseluruhan kes positif di situ adalah 396 kes.

"Sementara itu, pertambahan kes positif di Selangor Mansion adalah sebanyak 32 kes, menjadikan jumlah kes di situ saja sebanyak 75 kes. Terdapat pertambahan satu kes di Menara City One, menjadikan 31 kes positif dan di Malayan Mansion, ia kekal empat kes," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham meminta masyarakat supaya tidak mempersalahkan atau mendiskriminasi mana-mana pesakit atau kumpulan yang dikaitkan dengan kluster jangkitan.

"Janganlah kita stigmakan mereka. Apa yang penting, kita membantu mengesan dan merawat jangkitandalam kalangan mereka yang terabit, keluarga dan kontak mereka," katanya.

Beliau juga meminta masyarakat memberikan kerjasama kepada agensi yang menjalani dalam memenangi kejadian COVID-19.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

ISNIN, 13 APRIL 2020 BHI

Nasional

Penularan COVID-19

Permaisuri Agong kurnia katil kepada HSB, HKL

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, berkenan mengurniakan sumbangan katil kepada Hospital Sungai Buloh (HSB) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata HSB menerima sumbangan 100 katil, manakala HKL menerima 50 katil.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjunjung kasih, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di atas sumbangan itu.

"Sesungguhnya ia pencetus dorongan semangat yang lebih jitu buat petugas kesihatan agar terus berjuang dalam usaha menyelamatkan negara," katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Gambar katil yang diserahkan itu turut dikongsikan oleh Dr Noor Hisham.

Sementara itu, Tunku Azizah yang turut berkongsi kurniaan itu menerusi Instagram peribadi, air-tangan tunkuazizah.

"Semoga doktor-doktor, nurse-nurse dan semua kakitangan selamat dan selesa," catat baginda bersama status berkenaan.

BERNAMA



Kakitangan Hospital Sungai Buloh bersama sebahagian katil mudah alih kurniaan peribadi Raja Permaisuri Agong. (Foto ihsan KKM)

Belum ada bukti saintifik terowong sanitasi berkesan

CRC, CRM sedang melakukan kajian uji keberkesanan

Putrajaya: Belum ada bukti saintifik atau klinikal menunjukkan keberkesanan terowong sanitasi seperti yang dipasang dan digunakan di beberapa negara, termasuk Turki dan China.

Bagaimanapun Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya di bawah Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) dan Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) kini sedang melakukan kajian bagi menguji keberkesanan alat itu.

"Setakat ini memang tidak ada bukti saintifik atau klinikal yang menyatakan terowong ini berkesan.

"Kajian itu sedang dilaksanakan dan berharap kita akan mendapat data. Setakat ini kita tidak ada bukti kukuh untuk mengatakan ia berkesan," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata demikian mengulas penggunaan terowong sanitasi di Turki dan Chi-



Tiada bukti kukuh untuk mengatakan terowong sanitasi berkesan.

(Foto hiasan)

na termasuk di tempat awam.

Terowong sanitasi mudah alih itu menggunakan kaedah semburan cecair berkabus menggunakan bahan sanitasi kuman yang disemur ke anggota badan individu yang melaluinya.

Portal berita *Business Insider* pada Februari lalu melaporkan

beberapa bandar raya di China memasang terowong nyah kuman yang menyembur cecair berkesan dan mendakwa ia mampu membunuh hingga 99 peratus virus.

Bagaimanapun, laporan sama menyebut pakar kesihatan tidak yakin dengan keberkesanannya.

BH sebelum ini melaporkan terowong sanitasi ciptaan warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi kegunaan petugas barisan hadapan selamat digunakan dengan penggunaannya lebih menjurus kepada langkah pencegahan awal.

Pakar Kimia Perubatan Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Bimo Ario Tejo, dilaporkan berkata aspek keselamatan dan keberkesanan gerbang atau terowong nyah kuman mesti diteliti dengan saksama. Ini kerana mata, mulut, kulit dan saluran pernafasan terdedah bahan kimia selama 10 hingga 20 saat ketika disemur dalam alat itu.

"Bahan kimia digunakan mesti memenuhi piawaian keselamatan ditetapkan agensi kerajaan dan antarabangsa. Aspek keberkesanan juga mesti diberi perhatian kerana kita harus memastikan virus mati secara sempurna.

"Jika virus tidak mati sedangkan kita beranggapan sebaliknya, ia boleh memberi perasaan aman yang salah, lantas membantutkan usaha menghentikan penyebaran COVID-19," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum mengesan sebarang kes positif dalam kalangan rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air dan se-



Jika virus tidak mati sedangkan kita beranggapan sebaliknya, ia boleh memberi perasaan aman yang salah, lantas membantutkan usaha menghentikan penyebaran COVID-19.

Dr Bimo Ario Tejo, Pakar Kimia Perubatan Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia

dang dikuarantin di pusat kuarantin seluruh negara.

"Belum ada kes yang ada positif di hotel atau pusat kuarantin ini, tapi kita kena tunggu selama 14 hari untuk laksanakan ujian sebelum memastikannya," katanya.

Setakat ini terdapat 12,359 individu sedang menjalani proses kuarantin wajib di pusat kuarantin dan hotel yang diwartakan di seluruh negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

KKM buat persiapan rapi di sempadan Johor

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) membuat persiapan rapi di sempadan Johor selepas lebih ramai rakyat Malaysia bekerja di Singapura dijangka pulang ke tanah air, minggu ini.

Ia susulan langkah republik itu mengumumkan sekatan pergerakan beberapa hari lalu bagi mengekang penularan COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya akan menyediakan makmal bagi melakukan pengesanan kes wabak COVID-19 dekat Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Abu Bakar di sempadan berkenaan.

"Persiapan mesti pada tahap terbaik. Selain makmal, kementerian juga bersedia dengan alat-alat lain seperti ventilator dan katil untuk merawat mereka.

"Petugas barisan hadapan di kawasan itu akan melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin.

"Singapura mencatat banyak kes positif COVID-19 dan ia membimbangkan. Kita mahu menyekat penularan kes eksport COVID-19 dari negara berkenaan," katanya pada program Selamat Pagi Malaysia (SPM) yang disiarkan saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM) secara langsung, semalam.

Mengulas keadaan zon merah di negara ini, Dr Adham berkata, ia membolehkan pihaknya mengenal pasti individu mempunyai



Lebih ramai rakyat Malaysia bekerja di Singapura dijangka pulang ke tanah air, minggu ini.

simptom wabak itu seterusnya mengasingkan mereka daripada golongan lain yang sihat secepat mungkin.

"Zon merah ini seperti di Lembah Pantai, Seri Petaling, Kluang dan Hulu Langat. Dengan zon ini, kita boleh tumpukan perhatian asingkan dan rawat pesakit dengan lebih pantas.

"Kita juga dapat mengesan kontak rapat mereka untuk memudahkan urusan ujian calitan di makmal kementerian bagi membendung penularan COVID-19," katanya.

Dr Adham turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada ra-

kyat yang berperanan penting menangani wabak terbabit.

"Banyak negara lain gagal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana rakyatnya tidak patuh.

"Alhamdulillah, satu kepujian kepada warga Malaysia yang hampir semuanya patuh PKP dan melaksanakan tanggungjawab yang baik," katanya.

Sementara itu, seramai 110 rakyat Malaysia yang terkandas di Pakistan selamat tiba ke tanah air pagi kelmarin, kata Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Islamabad.

Pesawat Pakistan International Airlines (PIA) yang membawa ra-

kyat Malaysia itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 11.20 pagi kelmarin.

"Selebihnya seramai 30 hingga 40 lagi rakyat Malaysia memutuskan untuk terus tinggal di Pakistan," menurut kedutaan dalam satu kenyataan kepada BERNAMA.

Di Putrajaya, seramai 15 rakyat Malaysia yang bekerja di Iraq tiba di KLIA, semalam.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamarudin Jaffar, berkata kumpulan itu tiba pada jam 9.35 pagi melalui penerbangan komersial Iraqi Airways IA 455 dari Baghdad ke Kuala Lumpur.

Singapura mencatat banyak kes positif COVID-19 dan ia membimbangkan. Kita mahu menyekat penularan kes eksport COVID-19 dari negara berkenaan.

Dr Adham Baba,
Menteri Kesihatan

Dalam perkembangan berkaitan, 85 rakyat Malaysia yang terkandas di New Zealand disebabkan pembatalan penerbangan dan sekatan perjalanan susulan COVID-19, selamat pulang ke tanah air.

Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Zealand berkata, mereka menaiki pesawat Malaysia Airlines dari Auckland ke Kuala Lumpur pada 5 dan 6 April.

"Kumpulan lain dijadual meninggalkan New Zealand pada 13, 20 dan 27 April. Sebahagian lagi mahu terus berada di sini sehingga keadaan bertambah baik," katanya dalam kenyataan kepada BERNAMA.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

MBKT tak benar beroperasi, patuhi ketetapan KKM

Kuala Terengganu: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) mendahului enam pihak berkuasa tempatan (PBT) lain di negeri ini, apabila tidak membenarkan kedai gunting beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Datuk Bandar Kuala Terengganu, Shahidan Embok mengakui, pihaknya terpaksa mengambil tindakan tidak membenarkan kedai gunting beroperasi sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

"Walaupun kerajaan negeri belum mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi mengenai operasi

kedai gunting, tetapi kita mematuhi ketetapan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah KKM, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yang dilaporkan berkata, operasi kedai gunting rambut perlu ditangguhkan sementara.

Shahidan berkata, MBKT akan mengekalkan tindakan seperti dilaksanakan ketika PKP fasa pertama dan kedua.

"Selagi kerajaan negeri belum mengumumkan keputusan, MBKT tidak akan membenarkan kedai gunting beroperasi," katanya.

Shahidan menjelaskan, sebagai insentif kepada pengusaha kedai gunting yang akur dengan arahan PKP, MBKT mungkin akan mengecualikan bayaran sewa premis miliknya.

"Kita akan bincang pengecualian bayaran sewa premis pada mesyuarat majlis MBKT," katanya.

Sementara itu, tinjauan dilakukan di beberapa kedai gunting rambut di Hentian Bas MBKT mendapati pengusaha akur arahan dikeluarkan kerajaan sejak PKP dikuatkuasakan 18 Mac lalu.

Sementara itu, di Shah Alam, Pengerusi Jawatankuasa Tetap



Shahidan Embok

Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han, berkata Selangor akan membuat ke-

putusan berhubung kebenaran operasi kedai gunting rambut di seluruh negeri itu selepas berbincang dengan MKN.

Beliau secara peribadi berpandangan pengoperasian kedai gunting rambut dalam tempoh PKP itu bukan keperluan mendesak.

"Secara peribadi, saya sendiri tidak nampak ada keperluan mendesak untuk membenarkan kedai gunting rambut dibuka.

"Kerajaan negeri perlu berbincang dengan MKN bagi mendapatkan penjelasan mengenai perkara ini. Keputusan akan dibuat dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

8

ISNIN, 13 APRIL 2020 BH

Nasional

Penularan COVID-19

Bekas pesakit berisiko rendah dijangkiti semula

Dr Noor Hisham jelaskan ada kes positif lemah dibenar pulang

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes positif yang dikesan pada segelintir bekas pesakit COVID-19 yang sudah dibenarkan pulang, sebenarnya bersifat lemah dan tidak menjangkiti orang lain.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya mengesan ada beberapa bekas pesakit yang mempunyai positif lemah namun ia tidak mengesan jangkitan semula dalam kalangan mereka.

"Apa yang dimaksudkan sebagai positif lemah apabila pesakit pada peringkat peluruhan virus.

"Ia tidak menjangkiti tetapi pengesanan positif lemah. Tak banyak kes yang dikesan.

"Bila lihat ujian *weak positive* (positif lemah) tidak banyak, ada kebarangkalian untuk mereka di-



Petugas kesihatan tetap komited merawat pesakit COVID-19.

jangkiti semula tetapi risikonya rendah.

"Ada dua tiga pesakit kita kesan. Ia seolah-olah memberi kes positif tapi sebenarnya dalam peringkat *virus shedding* (peluruhan virus)," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata demikian apabila ditanya mengenai laporan mengatakan seramai 91 bekas pesakit COVID-19 di Korea Selatan yang sudah dilepaskan daripada kuarantin, didapati positif selepas dikenakan ujian semula.

Khamis lalu, media memetik Ketua Pengarah Pusat Kawalan

dan Pencegahan Penyakit Korea Selatan (CDC), Jeong Eun-kyeong sebagai berkata, COVID-19 boleh kembali aktif semula pada pesakit sudah sembuh.

Katanya, kira-kira 51 pesakit dikategorikan sembuh di Korea Selatan kembali positif, sama ada dijangkiti atau virus itu kembali



Apa yang dimaksudkan sebagai positif lemah apabila pesakit pada peringkat peluruhan virus. Ia tidak menjangkiti tetapi pengesanan positif lemah. Tak banyak kes yang dikesan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

aktif di mana mereka diuji positif selepas habis tempoh kuarantin.

"Pesakit hanya akan ditentukan pulih sepenuhnya selepas diuji dua kali dan menunjukkan negatif dalam tempoh 24 jam dan CDC juga akan menjalankan siasatan epidemiologi ke dalam kes-kes terbabit," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL



+ RINDU anak. Perkataan tertera di belakang baju peralatan pelindung diri (PPE) yang dipakai petugas kesihatan ketika melakukan saringan Covid-19 ke atas penghuni ketika tinjauan di Flat PKNS, Kampung Baru, semalam.



Oleh Raja Noraina Raja
Rahim dan Muhaamad
Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Tiga lagi kematian baharu akibat wabak Covid-19 direkodkan, setakat jam 12 tengah semalam menjadikan jumlah kematian keseluruhan di negara ini seramai 76 orang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Covid-19 menjangkiti 153 orang yang disahkan positif, semalam menjadikan jumlah kumulatif kes positif jangkitan itu sebanyak 4,683 kes.

Beliau berkata, seramai 66 kes positif dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 37 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Jumlah kes aktif sebanyak 2,499 dan jumlah keseluruhan kes sembuh ada-

4,683 dijangkiti

Tiga lagi kematian dilaporkan akibat Covid-19

Penumpang MH2664 diminta tampil buat saringan

Tawau. Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Tawau menggesa penumpang yang menaiki penerbangan Malaysia Airlines MH2664 dari Kuala Lumpur ke Tawau pada 26 Mac lalu tampil menjalani ujian saringan Covid-19.

Memetik kenyataan di laman Facebook rasmi pejabat kesihatan berkenaan, keutamaan menjalani saringan kepada penumpang yang duduk di barisan 18 hingga 24.

Katanya, penumpang terbabit diminta menghubungi PKK Tawau di talian 016-4729314 atau 019-8695855 secepat mungkin bagi menjalani saringan Covid-19.

Terdahulu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Datuk Christina Rundy meminta orang awam tidak panik dengan notis yang dikeluarkan pejabat kesihatan yang meminta kontak positif tampil menjalani ujian saringan.

lah 2,108.

"Kes kematian ke-74 (kes ke-3469) adalah lelaki berusia 54 tahun disahkan meninggal dunia di Hospital Tunku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan, jam 1.50 pagi tadi (semalam) selepas dirawat, semalam (kelmarin) di mana dia mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang," katanya pada sidang media harian di sini,

semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-75 (kes ke-3469) adalah lelaki berusia 90 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung.

"Beliau dirawat di Hospital Taiping, Perak pada 1 April lalu dan disahkan meninggal dunia jam 5.23 pagi ini (semalam).



Jumlah kes aktif sebanyak 2,499 dan jumlah keseluruhan kes sembuh adalah 2,108"

Dr Noor Hisham Abdullah

"Kes kematian ke-76 (kes ke-4314) adalah perempuan berusia 47 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi di mana dirawat di Hospital Umum Sarawak, Sarawak pada 8 April dan disahkan meninggal dunia jam 7.36 pagi ini (semalam)," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8


RUANGAN : LOKAL

8 A www.hmetro.com.my [@hmetrony](https://twitter.com/hmetrony) [f](https://www.facebook.com/HarianMetro) [@hmetrony](https://www.instagram.com/hmetrony)

Isnin 13.04.2020 | **Harian Metro****lokal**

41 pelajar tahfiz boleh balik

Semua pelajar Madrasah Miftahul Ulum didapati negatif Covid-19 selepas dirawat di HCTM



Oleh Raja Noraina Raja
Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 41 pelajar dan penghuni Madrasah Miftahul Ulum, Seri Petaling yang positif jangkitan Covid-19 dibenarkan keluar dari Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Cheras, di sini, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, semua pelajar lelaki berusia 14 hingga 29 tahun itu sudah sembuh selepas menerima rawatan di wad hospital berkenaan.

"Mereka sebahagian daripada pesakit positif Covid-19 daripada kluster perhimpunan tabligh yang sebelum ini



PETUGAS keselamatan melakukan sekatan ketika Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di Kampung Sungai Lui, Hulu Langat. - NSTP/AIZUDDIN SAAD

dikuarantin di Institut Sosial Malaysia dan dimasukkan ke HCTM pada 2 April lalu.

"Mereka terdedah kepada Covid-19 sama ada ketika

menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling pada awal Mac lalu atau persekitaran masjid selepas perhimpunan," katanya dalam kenyataan di Facebook

rasmusnya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, mereka tidak mengalami sebarang simptom dan dua ujian swab saringan awal pada pertengahan Mac dan

24 Mac lalu adalah negatif.

Bagaimanapun, katanya, keputusan ujian swab kali ketiga yang diambil pada 30 Mac lalu didapati positif Covid-19. "Mereka dimasukkan ke

HCTM untuk rawatan lanjut. Rawatan berjalan lancar dan hanya seorang daripada mereka mengalami simptom batuk pada 5 April lalu dan diberikan rawatan Hydrochloroquine.

"Kumpulan pelajar itu pesakit muda. Justeru, proses penyembuhan dan prognosis lebih baik berbanding pesakit lebih berusia atau menghidap penyakit kronik lain seperti hipertensi atau kencing manis," katanya.

Menurutnya, saringan diagnosis dan rawatan awal semasa tahap satu hingga tahap tiga amat penting bagi memastikan pesakit berpeluang sembuh sepenuhnya.

Katanya, proses kuarantin awal dan isolasi di wad selepas didapati positif juga langkah yang amat penting.

"Dalam kes berkenaan, semua mereka tiada simptom, tetapi mampu menjangkiti dan menyebarkan Covid-19 kepada masyarakat tanpa menyedari mereka dijangkiti.

"Justeru, keperluan kepada proses pengesanan, kuarantin, isolasi dan rawatan awal adalah langkah tepat dalam membantu proses penyembuhan, menyekat penyebaran dan memutuskan rantaian jangkitan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

2



MEMERANGI WABAK COVID-19

ISNIN 13 APRIL 2020 • SINAR HARIAN

Empat sub kluster madrasah dikesan

Madrasah di Jerantut, Pahang; Penanti, Pulau Pinang; Sungai Lui, Selangor dan Jasin, Melaka

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA



DR NOOR HISHAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan empat sub kluster madrasah koronavirus (Covid-19) di beberapa negeri dikaitkan dengan perhimpunan taahib di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat sub kluster itu adalah madrasah di Jerantut, Pahang; Penanti, Pulau Pinang; Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor dan Jasin, Melaka. Menurutnya, sub kluster baharu ini susulan daripada tinjauan proaktif di lapangan oleh Kementerian Kesihatan Negeri dan Persekitaran Daerah.

Madrasah Jerantut, jumlah pesakit disaring adalah seramai 282 orang di mana 297 ialah pelajar dan 14 orang ialah kakitangan madrasah.

Manakala di Jasin, 62 kes positif telah dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan manakala 20 kes telah disahkan, katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, di madrasah Penanti, jumlah yang disaring seramai 291 orang di mana 256 ialah pelajar dan baki 35 orang merupakan kakitangan.

"Jumlah positif enam orang di mana dua kes masih dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah dan empat kes telah disahkan," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, dalam kes sub kluster madrasah di Sungai Lui, sejumlah 282 telah disaring di mana 274 merupakan pelajar dan 8 orang ialah kakitangan madrasah.

Menurutnya, jumlah yang positif di madrasah itu sebanyak 90 kes dan 67 kes telah disahkan.

"Bagi madrasah Jasin pula, 137 telah disaring melibatkan 122 pelajar dan 15 kakitangan di mana 37 kes positif dan satu kes telah sembuh," katanya.

Katanya, kesemua kes positif telah disaring dan diberi rawatan.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes pesakit Covid-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj di negara ini meningkat kepada 2,108 kes atau 45 peratus daripada jumlah keseluruhan kes yang direkodkan setakat semalam.

Katanya, terdapat 113 kes baharu yang telah pulih dilaporkan.

"Setakat jam 12 tengah hari ini (semalam), terdapat 153 kes positif baharu dilaporkan sekali gus menandakan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 4,683 kes.

"Daripada jumlah itu, 66 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) di mana 37 memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau turut memaklumkan terdapat tiga lagi kes kematian baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian meningkat kepada 76 kes.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengesahkan setakat ini belum ada rakyat Malaysia yang dikenakan kuarantin wajib didapati positif wabak Covid-19.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, pihaknya perlu menunggu selama 14 hari sebelum keputusan sebenar diperolehi.

Tiada pesakit pulih kembali positif Covid-19

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan tiada pesakit yang diisytiharkan telah pulih pandemik koronavirus (Covid-19) kembali positif wabak itu di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan ujian yang dilakukan ke atas beberapa pesakit mendapati mereka hanya mengalami *weak* positif.

"Jadi kita dah kesan *weak* positif (ke atas beberapa pesakit) dan kita bandingkan lebih kurang iaitu yang sangat-sangat lemah positif atau kita katakan virus *shading*."

"Jadi mungkin ada kala boleh jadi seolah-olah bagi kesan positif tetapi *weak* positif sehingga negatif," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada terdapat pesakit yang diisytiharkan telah pulih Covid-19 kembali positif wabak berkenaan di negara ini.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham bagaimanapun mengakui ada kebarangkalian pesakit yang diisytiharkan telah pulih Covid-19 kembali positif tetapi jumlahnya tidak banyak.

"Keberangalian mereka boleh dijangkiti semula tetapi kurang," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, KKM melalui Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) sedang menjalankan penyelidikan untuk melihat keberkesanan penggunaan terowong sanitasi dalam membasmi wabak Covid-19.

Katanya, ketika ini belum ada bukti secara saintifik atau klinikal yang mengesahkan keberkesanan alat tersebut disahkan melalui ujian secara saintifik dan klinikal terlebih dahulu.

Menurutnya, KKM perlu memastikan keberkesanan alat tersebut disahkan melalui ujian secara saintifik dan klinikal terlebih dahulu.

Dalam pada itu, beliau berkata, kajian terhadap ubat Tocilizumab bagi merawat pesakit Covid-19 masih dijalankan.

Semasa mengesahkan KKM sedang menjalankan kajian itu bersama sebuah universiti tempatan, Dr Noor Hisham berkata, beliau berharap penyelidikan itu dapat memberi manfaat kepada pihaknya dalam mengesahkan pandemik Covid-19.

Kes positif di Selangor Mansion meningkat

PUTRAJAYA - Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor Mansion, Kuala Lumpur merekodkan pertambahan kes positif tertinggi semalam iaitu sebanyak 32 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kes positif di lokasi itu meningkat kepada 75 orang.

Selain itu, beliau berkata, kawasan PKPD lain yang turut merekodkan pertambahan kes termasuklah di Kluang, Bandar Baru Ibrahim Majid, Hulu Langat dan Menara City One.

"Terdapat pertambahan 10 kes posi-

tif Covid-19 masing-masing di kawasan Kluang menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 193 kes dan Bandar Baru Ibrahim Majid sebanyak 155 kes," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terkini di kawasan PKPD.

Menurutnya, bagi Hulu Langat pula, terdapat pertambahan sembilan kes menjadikan 396 kes dan di luar kawasan Sungai Lui pula sebanyak empat kes baharu dilaporkan manakala di Menara City One pertambahan satu kes menjadikan jumlah keseluruhan 31 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Bekalan darah semakin berkurangan

Kutipan darah di Pusat Darah Negara merosot sejak PKP dilaksanakan

Oleh JUNHAIRI ALYASA

SHAH ALAM

Jumlah kutipan darah semasa di Pusat Darah Negara menunjukkan penurunan ketara sehingga 40 peratus berbanding bulan lalu dan tahun-tahun sebelumnya. Jumlah penderma darah dikatakan menurun sejak kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).


Berdasarkan laman Facebook pusat tersebut, jumlah kutipan darah bagi Mac 2018 ialah 17,670, Mac 2019 (20,033) dan Mac 2020 (12,086).

Stok darah pada 11 April pula menunjukkan kumpulan darah O berada dalam keadaan yang sangat rendah dan amat diperlukan bagi membantu menyelamatkan nyawa.

Kumpulan darah yang mencatatkan jumlah rendah pula ialah darah A dan B, namun darah AB mencukupi untuk keperluan buat masa ini.

Menurut seorang penderma darah tetap, Mohamad Rosdan Abdul Rahim, 42, dia menerima banyak mesej daripada Pusat Darah Negara untuk menderma darah berikutan bekalan semakin berkurangan.


"Sebelum PKP memang banyak aktiviti untuk menderma darah dilakukan, tetapi sekarang tiada lagi. Saya bimbang dan kuarir sekiranya keadaan ini berterusan, ia akan memberi kesan terutama kepada mereka yang memerlukan darah," katanya ketika dihubungi *Sinar*



Darah jenis O kini berada dalam keadaan kritikal.

JUMLAH KUTIPAN DARAH

Perbandingan kutipan bulan Mac di Pusat Darah Negara 2018 hingga 2020



Data yang menunjukkan jumlah kutipan darah mengalami penurunan dalam Facebook Pusat Darah Negara.

Harian di sini semalam.

Sehubungan itu, Mohamad Rosdan yang sudah menderma darah sejak 21 tahun lalu meminta orang ramai dan penderma tetap supaya membantu

Pusat Darah Negara.

"Saya pasti Pusat Darah Negara kini mengalami kekurangan darah dan merayu kepada orang ramai dan juga penderma tetap seperti saya untuk membantu menderma darah," ujar bekas anggota tentera itu.

Beliau yang berasal dari Kuala Lumpur berkata, penderma hanya perlu menunjukkan buku derma darah mereka sekiranya ditahan oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh PKP.

"Saya fikir pihak polis mungkin akan memberikan kebenaran tetapi dengan syarat mestilah menunjukkan buku derma darah sebagai bukti," katanya.



Mohamad Rosdan (kanan) bersama isterinya, Noorlia Ahmad menderma darah di Pusat Darah Negara sebelum PKP dilaksanakan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . MONDAY, APRIL 13, 2020

4 | NEWS / Nation

HUNDREDS SCREENED

FOUR SUB-CLUSTERS IDENTIFIED

They involve students and employees of four religious schools, says Health D-G

PUTRAJAYA

FOUR Covid-19 sub-clusters have been identified at religious schools nationwide, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said 401 people from the first sub-cluster from a madrasah in Jerantut in Pahang had been screened.

They comprised 297 students and 104 employees and their families.

"We detected 62 Covid-19 cases. Patients were admitted to Tengku Ampuan Afzan Hospital, Kuantan. Twenty of them have recovered," he said yesterday.

The second sub-cluster from a

madrasah in Penanti, Penang, saw 291 people screened, of which 256 were students and 35 were employees.

Dr Noor Hisham said six of them tested positive for Covid-19.

He said two were undergoing treatment at Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star, Kedah.

He said the third sub-cluster was from a madrasah in Sungai Lui, Hulu Langat, in Selangor.

A total of 282 people from the madrasah had been screened.

They comprised 274 students and eight employees, he added.

"Ninety of them tested positive and were admitted to Sungai Buloh Hospital in Kuala Lumpur. A total of 67 people have since recovered."

He said 122 students and 15 employees from the fourth sub-cluster from a madrasah in Jasin, Melaka, had also been screened.

He said 37 of them tested positive for Covid-19 and were admitted to Melaka Hospital, with one having made full recovery.

Selangor Mansion Flat in Kuala Lumpur, which was placed under



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah speaking at a press conference in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FAULI HAMZAH

the Enhanced Movement Control Order (EMCO) last Tuesday, recorded 32 new cases yesterday, bringing the total number of cases at the building to 75.

Dr Noor Hisham said Menara City One, another building under the EMCO, recorded one new case, bringing the total number of cases there to 31. There was also one death involving a resident from Pakistan.

The number of cases at Malayan Mansion Flat, another building placed under the EMCO, still stands at four.

Dr Noor Hisham said district

health officials were actively involved in case detection and tracking following the death of a resident from PKNS Flat in Kampung Baru.

He stressed the need for the public to not stigmatise or discriminate against Covid-19 patients.

He said they should instead help trace Covid-19 patients and cooperate with the relevant agencies in battling the pandemic in the country.

He said there were 12,000 Malaysians under quarantine at hotels and government quaran-


tine centres, but no positive cases had been detected.

He said up to noon yesterday, 153 new Covid-19 cases had been reported, bringing the total number of cases to 4,683.

Sixty-six patients were being treated in Intensive Care Units, with 37 of them requiring breathing assistance, he added.

He said 113 patients were discharged yesterday, bringing the total number of those who have recovered from Covid-19 to 2,108.

Three new deaths were recorded yesterday, bringing the Covid-19 death toll in Malaysia to 76.



A man walking on an empty Jalan Tuanku Abdul Rahman in Kuala Lumpur last night. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

'No cases of reinfection'

PUTRAJAYA: None of the Covid-19 patients discharged from hospitals have experienced reinfection, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday.

He said reinfection had not been detected although two or three cases had shown a "very weak positive" result due to a process he termed "virus shedding".

While there could be a possibility that such patients with weak positive results could be reinfected, the chances were low, he said.

He added that a vaccine for Covid-19 could be discovered in a year, although research on the subject was actively ongoing.

"Once we have the vaccine, we will administer it to everyone to boost their antibodies," he said.

The challenge now, he said, was finding a test for Covid-19 that was fast, reliable and accurate.

Dr Noor Hisham said the ministry was actively looking at available options.

"What's important is that the test kit has a turnaround time of 30 minutes or one hour and it should also be mobile, meaning it can be used at clinics or any point of care."

He said trials on Tocilizumab to treat Covid-19 patients were ongoing.

Confirming that the Health Ministry was conducting the study with a local university, Dr Noor Hisham said he hoped the research would help the ministry curb the pandemic.

"What's important is that we look at how the research is being conducted at four hospitals, if I am not mistaken.

"We hope they comply with the standard operating procedure (SOP) for conducting research."

Earlier, he said three drugs,

namely chloroquine, hydroxychloroquine and the lopinavir/ritonavir combination, available in Malaysia and which were used by the Health Ministry to treat several diseases, were found to be effective in treating Covid-19 patients.

It was reported that the University Malaya Medical Centre, as well as Sungai Buloh Hospital, Kuala Lumpur Hospital and Tuanku Jaafar Seremban Hospital, would begin clinical trials to find a cure for Covid-19 in the middle of this month.

The focus of the study is Tocilizumab, which is marketed under the Actemra brand.

It was reported that studies on Tocilizumab, a medicine for rheumatoid arthritis, would focus on intravenous Tocilizumab comparison with high doses of corticosteroids on 300 severe Covid-19 patients.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Sub-clusters detected at several madrasah

PETALING JAYA: Sub-clusters of Covid-19 cases have been detected at several madrasah and tahfiz across the country after they had close contact with participants of the tabligh gathering at Masjid Jamek in Sri Petaling.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the madrasah were located in Pahang, Penang, Selangor and Melaka.

"A total of 62 positive cases were detected in a sub-cluster at a madrasah in Jerantut, Pahang, with 401 people screened, comprising 297 students and 104 staff and their

family members.

"Twenty of those found to be positive have already been discharged while the rest are being treated at the Tengku Ampuan Afzan Hospital in Kuantan," he said during the daily briefing on Covid-19 yesterday.

Dr Noor Hisham said at a madrasah sub-cluster in Peranti, Penang, six positive cases were detected out of a total of 291 people screened.

In the Sungai Lui sub-cluster in Selangor, out of the 90 positive cases, 67 of them have been discharged so far.

The rest are being treated at Hospital Sungai Buloh.

He said in Jasin, Melaka, 122 students and 15 staff members were screened for the disease.

"We detected 37 cases there but so far, only one of them has recovered and allowed to return home," he said.

Dr Noor Hisham said they would work with various agencies and take a targeted approach to test all those who had contact with the high-risk groups.

He also urged the public not to blame or discriminate any patient

or groups linked to the Covid-19 clusters.

"Don't stigmatise them. It is important to trace and treat those detected with Covid-19, as well as their close contact and family members.

"The public should give their cooperation to the agencies involved to curb the spread of the disease," he said.

The Sri Petaling tabligh cluster makes up most of the Covid-19 cases in the country with five "generations" of positive cases, linked to the four-day gathering.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Six premises ordered closed in Sabah

KOTA KINABALU: Six premises were closed by the Health Department for failing to comply with the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988.

Sabah Health director Datuk Christina Rundi said four factories, a restaurant and a sundry shop in Sandakan were ordered closed during inspections on Saturday.

Dr Rundi said the six were among 490 premises checked statewide by the department in joint operations with local authorities, the police, Armed Forces and Rela.

She also said that so far nine of the 26 districts in Sabah were green zones with no cases of Covid-19 detected.

She noted that health officials were taking proactive action to create public awareness.

Dr Rundi cited the example of the central Sabah district of Telupid where health officials had taken positive action to work together with the communities in getting

them to observe the movement control order, practise social distancing and maintain personal hygiene, among others.

"We appreciate the proactive action taken by the Telupid district health office," she said.

As at Saturday, Sabah had 260 Covid-19 cases with three deaths.

Meanwhile, the state wants the Federal Government to consider and make adjustment to the industrial diesel price in Sabah.

Sabah Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong said the global crude oil prices had dropped to below US\$32 (RM137) per barrel following economic uncertainty caused by the Covid-19 pandemic.

"However, state industrial diesel still remains above RM1.90 per litre, which, according to Petronas management, is based on the original purchase price transacted," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

153 new cases, 3 deaths

■ BY **RAJVINDER SINGH**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: There were 153 new cases of Covid-19 infection yesterday, bringing the national cumulative total to 4,683 cases.

Three more deaths were also reported.

"With that we now have 76 fatalities," Health director-general Datuk Noor Hisham Abdullah said yesterday.

He said 113 patients were discharged, bringing the total number of patients discharged to 2,108, or about 45% of the total number of cases.

He said 66 patients were being treated in intensive care units (ICU), with 37 cases needing ventilators.

Noor Hisham said the three who died were from Seremban, Taiping and Sarawak. All of them had underlying health problems.

"The ministry has stepped up its

efforts to detect high-risk people via targeted approach. With the help of several government agencies and the Seri Petaling Masjid Jamek Council, we have managed to detect several sub-clusters," he said.

"There are four new sub-clusters at madrasahs and tahfiz religious schools in Jerantut, Pahang; Penanti, Penang; Sungai Kui, Selangor; and Jasin, Malacca."

Noor Hisham said that in Jerantut there were 62 positive cases with 20 cases being discharged, whereas Penanti had six with four discharged, Sungai Kui had 90 with 67 discharged and Jasin had 37 with one person discharged.

Asked about the effectiveness of hand sanitisers, he said the government is still studying it.

Noor Hisham said from the medical aspect, screening for diagnosis and early treatment are important to ensure all Covid-19 patients can fully recover.